

Headline	TNB belanja RM1j bantu pelajar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Selangor & KL	Page No	19
ArticleSize	353 cm²	Journalist	HIDAYAH HAIROM
PR Value	RM 18,063		



TNB belanja RM1j bantu pelajar

**Melalui program
'Back To School
2019' di 30 lokasi**

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Tenaga Nasional Berhad (TNB) membelanjakan RM1 juta bagi sumbangan kepada 5,000 murid sekolah dari 30 lokasi di Semenanjung dan Sabah menerusi Program 'Back To School' tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Leo Moggie berkata, program kali ke enam itu menyediakan bantuan keperluan persekolahan bermula RM200 setiap seorang dalam bentuk sepersalinan pakaian seragam sekolah, beg dan alat tulis.

"Nilainya mungkin kecil untuk sesetengah keluarga

tetapi besar maknanya kepada ibu bapa penerima bantuan ini, khususnya yang mempunyai lebih daripada seorang anak yang masih bersekolah.

"Untuk tahun ini, 5,000 murid menerima kelengkapan sekolah, menjadikan lebih 30,000 penerima bantuan Back to School TNB sejak ia diperkenalkan pada 2013 dengan perbelanjaan sebanyak RM6.2 juta," katanya sempena Majlis Penyerahan Pakaian Persekolahan Sesi 2019, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, inisiatif itu adalah kesinambungan Program 'Tanggungjawab Korporat (CR)' yang dilaksanakan sejaklar dengan slogan TNB 'Better. Brighter.'

"Slogan ini membawa maksud kami menerangkan kehidupan rakyat bukan sahaja dengan menyulurkan tenaga elektrik untuk pengeluaran, tetapi juga melalui tiga bidang



Leo Moggie (empat, kanan) menyampaikan sumbangan kepada murid terlibat dalam majlis penyerahan Program Back To School, semalam.

utama program CR kami, iaitu bidang pendidikan, sosio-ekonomi (termasuk sukan) dan pemuliharaan alam sekitar.

"Bagi Program Back to School ini dilatarap dat mendrong dan menyuntik semangat

anak-anak semua supaya terus berusaha gigih untuk berjaya dalam pelajaran masing-masing," katanya.

Pada majlis itu, seramai 400 murid dari Sekolah Kebangsaan Bangsar, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bandaraya dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pan-

kebangsaan Bukit Bandaraya, Sekolah Kebangsaan Bukit Pantai, Sekolah Menengah Kebangsaan Bangsar, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bandaraya dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pan-

tai diraikan.

Leo Moggie berkata, meskipun bantuan Back to School itu dikhususkan untuk murid berumur tujuh hingga 12 tahun, di Lembah Pantai ini kelonggaran dibuat atas dasar kos sara hidup yang tinggi di kawasan bandar atau dalam kota lain wujudnya miskin bandar.

"Seramai 54 pelajar daripada tiga sekolah menengah ini juga menerima tajaan berjumlah RM1,500 setahun untuk tempoh tiga tahun (2018-2020) bagi menampung keperluan asas persekolahan dari tingkatan tiga hingga tigakat lima menerusi program CR TNB iaitu program Bantuan Pendidikan B40.

"Setakat ini, lebih RM1 bilion telah dibelanjakan untuk manfaat lebih 11,000 pelajar menerusi dermaiswa, biasiswa dan pinjaman boleh ubah," katanya.